

## **SISTEM BAHASA : KATA NAMA (PENGAYAAN)**

*Disediakan oleh Cikgu Rozita*

### **Latihan 1 : Kata Nama Tunggal**

*Nyatakan golongan kata yang betul bagi perkataan bergaris di bawah sama ada **kata nama am** atau **kata nama khas**.*

- (i) Pak Matlob merupakan tokoh penulis yang produktif berkarya.  
\_\_\_\_\_
- (ii) Beliau telah mengajarkan cara membaca dan menulis tulisan jawi kepada murid-murid.  
\_\_\_\_\_
- (iii) Unit Pendidikan Syarikat Utusan Melayu juga turut meluaskan kegiatannya dengan Sahabat Utusan Melayu.  
\_\_\_\_\_
- (iv) Beliau terlibat dalam penulisan novel kanak-kanak sejak tahun 1962 lagi.  
\_\_\_\_\_
- (v) Pak Matlob bekerja sebagai guru sebelum menjadi wartawan dan penulis blog.  
\_\_\_\_\_

### **Latihan 2 : Kata Nama Terbitan**

*Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan**. **Betulkan kesalahan tersebut**.*

- (i) Ramai pembom berani mati meletupkan diri di kawasan musuh di Syria.  
\_\_\_\_\_
- (ii) Program Kembara Siswa ke Perlis mendapat sambutan daripada maha siswa universiti itu.  
\_\_\_\_\_
- (iii) Pelajar-pelajar universiti itu menjalankan kerja-kerja pengaliran artifak di Lembah Merbok.  
\_\_\_\_\_
- (iv) Beliau telah terlibat dengan tulisan jawi sejak kecil sehingga beliau menjadi mendidik.  
\_\_\_\_\_
- (v) Istana Budaya menetapkan kod pakaian penuntun ketika menyaksikan sesuatu persembahan.  
\_\_\_\_\_

### **Latihan 3 : Kata Nama Ganda**

*Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan bahasa. Garis kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruangan yang disediakan.*

- (i) Reroda basikalnya bengkok kerana basikalnya terjatuh ke dalam lubang.  
\_\_\_\_\_
- (ii) Musa menarik tali wau-wau yang tersangkut pada pokok mangga Pak Yatim.  
\_\_\_\_\_
- (iii) Rosni menjenguk ke luar tingkap kereta api itu sambil mengibar-ngibar tangannya kepada kami.  
\_\_\_\_\_
- (iv) Perkara itu telah difikirkannya bulat-bulat sebelum dia mengambil keputusan untuk berhijrah ke luar negara.  
\_\_\_\_\_
- (v) Kanak-kanak itu hanya menggolek-golek kepalanya apabila ditanya nama dan tempat tinggalnya.  
\_\_\_\_\_

### **Latihan 4 : Kata Nama Ganda**

*Nyatakan jenis-jenis kata ganda bagi perkataan yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah sama ada kata ganda penuh, kata ganda separa, kata ganda berirama atau kata ganda berimbuhan.*

- (i) Pelajar-pelajar itu berkumpul di dalam dewan untuk mendengar ceramah kesihatan.  
\_\_\_\_\_
- (ii) Rempah-ratus itu diimport dari negara Timur Tengah.  
\_\_\_\_\_
- (iii) Dukun itu menggunakan ubat-ubatan tradisional untuk mengubati pesakitnya.  
\_\_\_\_\_
- (iv) Ibu memasukkan kekabu ke dalam sarung bantal yang baru dijahitnya.  
\_\_\_\_\_
- (v) Seluruh stadium gelap-gelita apabila bekalan elektrik terputus semasa perlawanan bola sepak itu.  
\_\_\_\_\_

### **Latihan 5 : Kata Nama Majmuk**

*Nyatakan jenis-jenis kata nama majmuk bagi perkataan yang **bergaris** dalam ayat-ayat di bawah sama ada kata majmuk rangkai kata, kata majmuk istilah khusus, kata majmuk mantap atau kiasan.*

- (i) Setiausaha itu membawa fail-fail yang diperlukan ke dalam bilik mesyuarat.  
\_\_\_\_\_
- (ii) Madu lebah amat berkhasiat untuk menyembuhkan penyakit di dalam tubuh badan.  
\_\_\_\_\_
- (iii) Semua kakitangan bank itu menghadiri program Hari Keluarga di Terengganu.  
\_\_\_\_\_
- (iv) Ibu bapa tidak boleh bersikap pilih kasih dalam mendidik anak-anak.  
\_\_\_\_\_
- (v) Ramai golongan muda menyertai uji bakat yang diadakan di pasar raya itu.  
\_\_\_\_\_

### **Latihan 6 : Kata Nama Majmuk**

*Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan**. **Betulkan** kesalahan tersebut.*

- (i) Semua pihak perlu bertanggung jawab menjaga kebersihan alam sekitar agar negara kita menjadi bersih.  
\_\_\_\_\_
- (ii) Pasaraya itu menjual pelbagai bahan jenis pakaian berjenama.  
\_\_\_\_\_
- (iii) Semua pemenang acara lompat tinggi diminta berada di meja urusetia sekarang.  
\_\_\_\_\_
- (iv) Semua warga negara Malaysia mesti mempunyai kad pengenalan berwarna biru.  
\_\_\_\_\_
- (v) Gambarajah itu menunjukkan cara-cara menjaga kesihatan diri.  
\_\_\_\_\_